

43

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

RUJUKAN : 10346

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah Biti Mahmud [Kota Raja] minta KEMENTERIAN DALAM NEGERI menyatakan bilangan terkini status “anak tak sah taraf” dan “*stateless children*” yang direkodkan, masalah yang mereka hadapi mengikut kategori serta langkah Kerajaan untuk menyelesaikannya dalam jangka masa panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2006 hingga 30 September 2017, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mendaftarkan kelahiran seramai 588,197 orang anak tak sah taraf. Dalam hal ini, istilah anak tak sah taraf digunakan oleh JPN bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam situasi seperti berikut:

- (i) ibu dan bapa tidak berkahwin;**

- (ii) kedua ibu dan bapa berkahwin tetapi:**
 - (a) tidak didaftarkan mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa; atau**

 - (b) bagi yang beragama Islam, anak dilahirkan tidak mencukupi enam bulan Qamariah dan dua lahzah daripada tarikh perkahwinan; atau**

 - (c) perkahwinan luar negara tidak didaftarkan semula sama ada di JPN bagi pasangan bukan Islam atau di Jabatan Agama Islam Negeri bagi pasangan yang beragama Islam.**

45

Pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf oleh JPN adalah selaras dengan peruntukan perundangan seperti berikut:

- (i) Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) Seksyen 10, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 123] bagi negeri Sabah; dan
- (iii) Seksyen 9 Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 10] bagi negeri Sarawak.

Berhubung dengan penentuan taraf kewarganegaraan, penasaban individu yang beragama Islam dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan anak tak sah taraf, ia akan ditentukan berdasarkan kepada maklumat, taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut.

Kementerian ingin menegaskan bahawa isu penentuan taraf kewarganegaraan yang dihadapi oleh kanak-kanak adalah berpunca daripada isu perkahwinan dan pengenalan diri ibu bapa mereka yang tidak memenuhi peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Justeru, mana-mana individu yang tidak memenuhi kelayakan tersebut akan diberikan status bukan warganegara. Oleh itu, tiada individu yang direkodkan oleh JPN sebagai tidak bernegara (*stateless*).